


Bioteck**Dunia Bioteknologi**

Pusat bioteknologi Endau Rompin

um/160106/11/9/Biotek

TAMAN Negara Endau Rompin sememangnya terkenal kerana mempunyai kawasan hutan yang kaya dengan flora dan fauna serta haiwan liar yang belum diusik.

Atas faktor tersebut, sebuah badan penyelidik bioteknologi terkemuka di Amerika Syarikat, Donald Danforth Plant Science Center, telah menyatakan minat untuk mewujudkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bioteknologi di kawasan berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis berkata, pihak Donald Danforth akan melakukan tinjauan di hutan tersebut sebelum mengemukakan kertas cadangan pembinaan pusat itu.

Dr. Jamaludin berkata, sumber asli di kawasan Taman Negara itu berkemungkinan mempunyai nilai tertentu yang boleh dimanfaatkan sebagai ubat-ubatan dan merawat pelbagai penyakit.

Sebelum ini, beliau berkata, badan itu pernah menjalankan penyelidikan sumber asli di beberapa kawasan di Afrika, Costa Rica, Brazil, Colombia dan Peru.